

'Perlu dikaji dengan teliti'

282

PEKER JAAN: SYOR Dr. M

BH 17 JUNI 1976

K. LUMPUR, Rabu.

DR. Mahathir Mohamed berkata hari ini, lebih suku juta dari seluruh tenaga pekerja masih belum berpekerjaan dan hal ini perlu dikaji, bagi menghindarkan sebarang perkembangan yang tidak sihat.

Tegas Dr. Mahathir, Kerajaan telah berusaha sedaya upaya untuk menyediakan pekerjaan sebanyak-banyaknya, tetapi usaha ini masih terlalu jauh dari mencukupi.

Timbalan Perdana Menteri menyebut demikian ketika merasmikan satu seminar mengenai perancang keluarga di Dewan Tunku Abdul Rahman, di sini.

Tidak mencukupi

Menteri Tak Berpotfolio, Tan Sri Chong Hon Nyan menyampaikan ucapan beliau itu.

Dr. Mahathir memberitahu seminar bertajuk "Perancangan Kesuburan ke arah Pencapaian Kemajuan Yang Lebih Besar di bidang Sosial dan Ekonomi itu:

"Negara ini sahaja telah berusaha untuk mengadakan berbagai pekerjaan tetapi masih terlalu jauh dari mencukupi walaupun kadar pengangguran dapat dikurangkan dari 7.4 peratus dari seluruh tenaga pekerja pada tahun 1970 kepada 7 peratus pada akhir tahun lalu.

"Mengikut catuan bilangan penganggur sudah meningkat 300,000 pada tahun 1975 dan ini tidak termasuk yang separuh menganggur di kampung-kampung.

"Masalah ini perlu dikaji supaya bertambahnya bilangan penduduk tidak akan membawa gejala tidak sihat."

Dr. Mahathir juga menyebut bahawa:

● Semua rancangan fizikal dalam Rancangan Malaysia Kedua berjalan dengan memuaskan, tetapi yang belum memuaskan ialah pelaksanaan rancangan menyusun semula masyarakat;

Ekonomi

● Dalam Rancangan Malaysia Ketiga nanti, Kerajaan akan menitikberatkan soal-soal ekonomi, persekolahan

anak, kesihatan keluarga, kediaman, kemudahan kebajikan, atau peluang pekerjaan untuk belia-belia; dan

● Dalam Rancangan Malaysia Ketiga nanti dan selanjutnya, pendapatan dan kehendak rakyat akan dibincangkan dan ditentukan dulu, sebelum sesuatu projek dilaksanakan.; Dr. Mahathir berkata, usaha mesti dibuat sekarang di segi perancangan kesuburan bagi menjayakan usaha membasmi kemunduran dan kemiskinan.

Hanya dengan cara inilah sahaja dapat di-

Muka 12 ruang 6

'Kita manu rakyat bertanggungjawab'

Dari Muka JUN 1977

wujudkan satu jenerasi yang bertenaga, waras dan tekun di masa akan datang.

"Kegagalan kita berbuat demikian bererti meruntuhkan negara yang sedang kita bina dan bangunkan," kata beliau.

Dr. Mahathir menjelaskan, masyarakat muda yang dilahirkan dalam keadaan kesihatan yang baik dan mendapat didikan sempurna, akan menjadi warganegara cergas dan bertanggungjawab.

"Ini bukanlah semata-mata menjadi tanggungjawab Kerajaan, malah kewajipan seluruh rakyat dan kakitangan Kerajaan," ujar beliau.

"Masaalah kesuburan manusia memanglah masaalah individu, tapi individu tidak patut hidup berasingan.

Beliau berharap, seminar itu berjaya mencari jalan mengatasi sebarang masaalah berhubung dengan manusia dalam zaman pembangunan sekurang-kurangnya hingga akhir Rancangan Malaysia Keempat dalam tahun 1985.

Menurut beliau, kesuburan tanpa dikawal antara lain akan menyebabkan terlalu ramai belia akan memasuki pasaran pekerja dan Kerajaan terpaksa berusaha mengadakan berbagai pekerjaan.

Amaran

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, meskipun rancangan-rancangan pembangunan lalu dapat menyediakan racangan ke

arah meninggikan taraf hidup rakyat, tapi hingga kini masih belum diatur satu rancangan yang benar-benar menumpukan perhatian terhadap keperluan perancangan kesuburan.

Beliau menambah, perancangan seperti itu perlu terutama dalam usaha membasmi kemunduran dan kemiskinan dalam bidang pembangunan di samping lain-lain usaha pesat yang sedang dijalankan.

Beliau memberi amaran, jika kadar kematian bayi di kawasan luarbandar terus lebih tinggi dari kawasan bandar, segala usaha Kerajaan berhubung dengan perancangan kesuburan akan terjejas.

Mengenai masyarakat setinggan beliau berkata, kehidupan mereka pada satu ketika mungkin selesa dan dapat memelihara keluarga besar, tapi tentu tidak wajar ketika hidup sebagai setinggan dalam serba kekurangan mereka terus mengadakan keluarga besar.

Kata beliau, pendapatan rakyat bertambah tiga peratus setahun sepanjang RMK 2 hasil dari penurunan kadar kesuburan daripada 3 peratus kepada 2.7 peratus.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, kesempitan hidup sesuatu keluarga mungkin tidak begitu dirasakan hanya apabila bayi yang dilahirkan itu meningkat usia lebih 15 tahun apabila mereka memasuki alam pekerjaan.

Beliau mengingatkan, dasar Kerajaan mengenai perancangan kesuburan pasti akan disalahtafsirkan oleh komunis yang sentiasa berusaha melemahkan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan.

Terdahulu dari itu, Pengerusi LPKN, Tan Sri Abdul Jamil Rais berkata, banyak lagi yang harus dibuat untuk menurunkan kadar pertumbuhan penduduk kepada 2 peratus dalam tahun 1985.

Menurut beliau, rancangan perancangan keluarga kebangsaan di bawah RMK 3 akan diperkembangkan serta diperluaskan, terutama di kawasan-kawasan mundur.

Untuk tujuan itu, tugas beliau, satu pelan induk telahpun disediakan.

Beliau menegaskan, meskipun negara ini masih belum mengalami masaalah sosial yang buruk akibat kerafahaman penduduk, usaha mengawal perlu dijalankan dari sekarang.